



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**“JANGAN BERPUTUS ASA”**

**Tarikh Dibaca :**

**21 ZULKAEDAH 1442H/  
2 JULAI 2021M**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

**“JANGAN BERPUTUS ASA”****21 ZULKAEDAH 1442H / 2 JULAI 2021**

الحمد لله القائل:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿ أَحَسِبَ النَّاسُ أَنْ يَتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا

يُفْتَنُونَ ﴿۲﴾ العنكبوت: ۲

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredhaan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: **“JANGAN BERPUTUS ASA”**.

Khatib juga ingin berpesan kepada sidang jemaah sekalian agar sentiasa mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan penularan wabak Covid-19 yang telah dikeluarkan oleh

pihak berkuasa. Jangan pernah alpa dan leka, kerana setiap kealpaan itu akan membuka ruang berlakunya jangkitan wabak.

Bagi yang telah mendaftar dan mendapat janji temu suntikan vaksin Covid-19, pastikan anda hadir ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Manakala bagi yang belum mendaftar pula, segeralah berbuat demikian kerana ini adalah antara ikhtiar kita untuk menyekat penularan wabak berbahaya ini di samping mencapai tahap imuniti berkelompok atau *herd immunity*.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Hakikat kehidupan di dunia ini ialah suatu persinggahan sementara dalam perjalanan kita menuju ke dunia yang kekal abadi. Sesungguhnya kehidupan di dunia ini dibentangkan dengan bermacam bentuk ujian yang bertujuan untuk menguji dan menilai setiap hamba-Nya. Tiap-tiap manusia itu pasti akan diuji sama ada dengan perkara-perkara yang tidak disukainya, mahupun perkara-perkara yang disukai. Allah SWT berfirman dalam Surah al-A'raaf ayat 168:

﴿ وَقَطَّعْنَاهُمْ فِي الْأَرْضِ أُمَمًا مِّنْهُمْ الصَّالِحُونَ وَمِنْهُمْ دُونَ ذَلِكَ وَبَلَوْنَاهُمْ

بِالْحَسَنَاتِ وَالسَّيِّئَاتِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿١٦٨﴾

**Maksudnya:** “Dan Kami pecah-pecahkan mereka berpuak-puak (yang bertaburan di merata-rata) dunia ini. Antara mereka ada yang soleh dan antaranya juga yang tidak demikian. Dan kami uji mereka dengan nikmat pemberian yang baik-baik dan bala bencana yang buruk, supaya mereka kembali (bertaubat)”.

Allah SWT juga berfirman dalam Surah al-Ankabuut ayat 2 yang dibacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

“Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: “Kami beriman”, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)?”

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Dalam situasi hari ini, kita semua sedang diuji dengan wabak Covid-19 yang masih belum reda. Ada sebahagian kita diuji dengan jangkitan wabak, kehilangan pekerjaan, kematian orang tersayang, hilang sumber pendapatan, kerugian dalam perniagaan dan pelaburan, dan bermacam lagi ujian yang dihadapi yang menyebabkan mereka mengalami kemurungan, kecewa, putus asa dan sebagainya. Hal ini menyebabkan mereka mengambil tindakan di luar batas agama dan kemanusiaan.

Ketahuilah, wahai saudaraku! Sesungguhnya Allah SWT tidak menetapkan sesuatu, melainkan padanya terkandung hikmah, kebaikan dan rahmat bagi hamba-Nya. Ibnu al-Qayyim rahimahullah berkata, “Andai kata kita mampu menggali hikmah Allah yang terkandung dalam ciptaan dan urusan-Nya, maka tidak kurang dari ribuan hikmah (yang akan kita dapati). Namun, akal kita sangatlah terbatas, pengetahuan kita terlalu sedikit, dan ilmu semua makhluk akan sia-sia (tidak ada ertinya) jika dibandingkan dengan ilmu Allah, sebagaimana sinar lampu yang sia-sia (tidak bermanfaat) di bawah sinar matahari (yang terang). Dan ini pun hanya gambaran sahaja, yang sebenarnya tentu lebih dari sekadar gambaran ini”.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sebagai umat Islam, kita diajar untuk menghadapi segala bentuk ujian dengan kesabaran dan akal yang rasional. Kegagalan menguruskan emosi dan perasaan akan menjerumuskan seseorang kepada tindakan luar kewarasan akal manusia. Kesempitan hidup yang dialami oleh sebahagian orang telah menyumbang kepada peningkatan kes kemurungan, tekanan mental dan bunuh diri. Statistik kes bunuh diri yang dicatatkan pada tahun lalu meningkat kepada 631 kes berbanding 609 kes pada tahun 2019. Lebih membimbangkan lagi apabila sebanyak 366 kes bunuh diri dilaporkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia bagi tiga bulan pertama tahun ini.

Saudaraku! Dalam menjalani kehidupan yang penuh dengan dugaan, cabaran dan rintangan. Kita sebagai orang yang beriman, dituntut untuk sentiasa bersangka baik,

berfikiran positif, dan tidak mudah berputus asa dengan rahmat Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Zumar ayat 52 – 54:

﴿ أَوَلَمْ يَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَقْدِرُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴾

﴿ قُلْ يَاعِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ ﴾

﴿ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴾ ﴿٥٣﴾ وَأَنبِئُوا إِلَىٰ رَبِّكُمْ وَأَسْلِمُوا لَهُ مِن قَبْلِ أَن يَأْتِيَكُمُ

﴿٥٤﴾ الْعَذَابُ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ ﴿٥٤﴾

**Maksudnya:** “(Mengapa mereka mendakwa demikian), tidakkah mereka mengetahui bahawa sesungguhnya Allah memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Dia juga yang menyempitkannya? Sesungguhnya yang demikian mengandungi keterangan-keterangan yang jelas bagi orang-orang yang percayakan (ilmu dan kebijaksanaan Allah). Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai hamba-hamba-Ku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dia lah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani." Dan kembalilah kamu kepada Tuhan kamu dengan bertaubat, serta berserah bulat-bulat kepada-Nya, sebelum kamu didatangi azab; kerana sesudah itu kamu tidak akan diberikan pertolongan.”

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Allah SWT merupakan sebaik-baik tempat untuk kita mengadu dan memohon pertolongan. Kita dianjurkan untuk memanjatkan doa kepada Allah SWT pada tiap-tiap masa dan keadaan, lebih-lebih lagi apabila kita sedang menghadapi masalah atau kesulitan dalam hidup. Antara doa ringkas tetapi bermanfaat yang telah diajarkan oleh Rasulullah SAW untuk diamalkan ketika kita berada dalam keadaan sukar ialah:

اللَّهُمَّ لَا سَهْلَ إِلَّا مَا جَعَلْتَهُ سَهْلًا وَأَنْتَ تَجْعَلُ الْحُزْنَ إِذَا شِئْتَ سَهْلًا

**Maksudnya:** “Ya Allah! Tidak ada kemudahan kecuali apa yang Engkau jadikan mudahnya mudah. Dan Engkaulah yang menjadikan kesedihan (kesulitan), jika Engkau kehendaki pasti ia akan menjadi mudah”.

Wahai saudaraku! Tingkatkanlah kesabaran dan kuatkanlah semangat dalam menempuh ujian masing-masing dan janganlah mudah berputus asa dan berburuk sangka dengan Allah SWT. Tingkatkanlah usaha dengan penuh kesabaran dan keyakinan kepada Allah SWT. Sekiranya perlu, dapatkan nasihat dan bantuan dari kaunselor dan pihak yang berautoriti. Ingatlah bahawa, Allah SWT tidak menjadikan sesuatu itu sia-sia dan Allah SWT tidak akan menzalimi hamba-hamba-Nya. Allah SWT Maha Tahu hal yang terbaik buat kita. Latihlah diri untuk terus bersangka baik kepada Allah SWT. Bagi yang berkemampuan pula, bantulah saudara-saudara kita yang terjejas dan memerlukan pertolongan dengan ikhlas. Tingkatkan keprihatinan kepada ahli keluarga, saudara-mara sahabat dan jiran-jiran yang memerlukan bantuan dan pertolongan sama ada dari segi kewangan, keperluan asas, mahupun bantuan dari segi psikologi dan moral. Mudah-mudahan urusan kita semua dipermudahkan oleh Allah SWT dan dikeluarkan dari segala bentuk kesusahan. Insyallah.

Firman Allah SWT:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴾ ١٥٣

**Maksudnya:** “Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar” (Surah al-Baqarah ayat 153)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾ ﴿الأحزاب: ٥٦﴾  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ .

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بِكَيْنِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ .

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بِكَيْنِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ ، تُونْكَو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيزَةُ أَمِينَةُ مَيْمُونَةُ إِسْكَندَرِيَّةُ بِنْتُ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَندَرَ الْحَاجِ .

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءَ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ ، وَاخْذَلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً ، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ ، وَالْجُنُونِ ، وَالْجُدَامِ ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.



Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾ النحل: ٩٠  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.